



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**ARAHAN KETUA PERKHIDMATAN HAL EHWAL ISLAM
BILANGAN 1 TAHUN 2024**

PENEMPATAN SILANG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM

TUJUAN

1. Arahan Ketua Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan pelaksanaan Program Penempatan Silang (*Cross-Fertilization*) bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Hal Ehwai Islam (PHEI) di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kader di Kementerian/ Jabatan/ Agensi.

LATAR BELAKANG

2. Penempatan Silang atau *Cross Fertilization* (PCF) telah dilaksanakan dalam Perkhidmatan Awam melalui dasar dan prosedur yang ditetapkan melalui MyPPSM Ceraian U.P.2.1.1.
3. Penempatan Silang merupakan satu usaha bagi mentransformasikan pengurusan dan pentadbiran hal ehwal Islam agar lebih mengutamakan aspek keberhasilan dan budaya berprestasi tinggi bagi memastikan Pegawai Hal Ehwai Islam (PHEI) sentiasa relevan dan dapat memenuhi ekspektasi pemegang taruh.

PELAKSANAAN

Objektif

4. Penempatan di bawah PCF bagi PHEI merupakan tindakan strategik JAKIM dalam membangunkan kemahiran insaniah khususnya dalam membuka peluang pemindahan ilmu, kepakaran dan teknologi di samping memperkaya (*enrichment*) serta meluaskan (*enlargement*) pengalaman PHEI agar dapat memberikan perkhidmatan yang lebih cekap, produktif dan berkesan.
5. Penempatan Silang PHEI bertujuan untuk:
 - (a) memberi pengetahuan dan kemahiran baharu kepada PHEI melalui pengalaman dan penempatan di agensi lain;
 - (b) meningkatkan keupayaan kepimpinan dan pengurusan PHEI dalam persekitaran dan tadbir urus organisasi yang berbeza; dan
 - (c) meningkatkan kecekapan pegawai dengan budaya prestasi tinggi supaya budaya tersebut boleh diadaptasi dan diamalkan apabila pegawai kembali berkhidmat di JAKIM atau Kader Kementerian/ Jabatan/ Agensi.

Tafsiran

6. Bagi maksud Arahkan Ketua Perkhidmatan ini;
 - (a) “**agensi asal**” bermaksud JAKIM;
 - (b) “**agensi awam**” bermaksud kementerian atau jabatan kerajaan (Persekutuan dan Negeri), Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri, tetapi tidak termasuk Pihak Berkuasa Berkanun yang diasingkan saraannya) atau Pihak Berkuasa Tempatan;
 - (c) “**agensi penerima**” bermaksud agensi awam dan/ atau agensi swasta yang menerima pegawai yang ditempatkan secara silang di bawah Program Penempatan Silang PHEI;
 - (d) “**agensi swasta**” bermaksud agensi selain daripada agensi awam dan termasuklah syarikat berkaitan kerajaan. Dalam konteks ini, pihak berkuasa berkanun yang diasingkan saraannya dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga dikategorikan sebagai agensi swasta;

- (e) **“elaun”** bermaksud elaun-elaun selain elaun bulanan lain yang termasuk dalam definisi emolumen;
- (f) **“emolumen”** bermaksud segala saraan dalam bentuk wang yang kena dibayar kepada seseorang pegawai dan termasuklah gaji pokok, imbuhan tetap, bayaran insentif dan elaun bulanan lain;
- (g) **“gred jawatan hakiki”** bermaksud gred jawatan yang disandang oleh PHEI sebelum ditempatkan secara silang ke agensi penerima;
- (h) **“Ketua Jabatan”** bermaksud seseorang pegawai yang mengetuai sesuatu jabatan atau Ketua Perkhidmatan bagi sesuatu perkhidmatan, mengikut mana yang berkenaan;
- (i) **“jawatan tambahsentara”** bermaksud jawatan yang sama grednya dengan gred hakiki pegawai yang diwujudkan selama tempoh pegawai berada di penempatan silang untuk melindungi hak pencen dan peluang kenaikan pangkat; dan
- (j) **“penempatan silang”** bermaksud penempatan PHEI di bawah Penempatan Silang PHEI.

Dasar dan Peraturan Penempatan Silang

7. Dasar dan peraturan penempatan di bawah Penempatan Silang PHEI adalah seperti berikut:
 - (a) Penempatan silang PHEI adalah dilaksanakan oleh JAKIM di agensi awam/ agensi swasta dalam bidang-bidang yang ditentukan oleh Jawatankuasa Penilai Penempatan Silang PHEI mengikut keperluan dari semasa ke semasa;
 - (b) PHEI dari JAKIM atau Kader di Kementerian/ Jabatan/ Agensi di Gred S9 dan ke atas yang telah disahkan dalam perkhidmatan serta telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun dan ke atas layak memohon Penempatan Silang PHEI menggunakan borang permohonan yang akan diedarkan melalui iklan Penempatan Silang PHEI;

- (c) Pemilihan PHEI bagi Penempatan Silang PHEI adalah berdasarkan permohonan oleh PHEI yang layak dan lulus penilaian dan pemilihan oleh Jawatankuasa Penilai Penempatan Silang PHEI;
- (d) Pemilihan PHEI untuk Penempatan Silang PHEI dibuat oleh Jawatankuasa Penilai Penempatan Silang PHEI berdasarkan:
 - (i) kelayakan dan kompetensi yang sesuai dengan skop tugas di agensi penerima;
 - (ii) memperoleh markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sekurang-kurangnya 85% bagi tiga (3) tahun terkini;
 - (iii) bebas dari hukuman tatatertib;
 - (iv) telah mengisytiharkan harta;
 - (v) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
 - (vi) bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan.
- (e) Ketua Perkhidmatan akan mengeluarkan Arahan Penempatan Silang PHEI ke agensi penerima mengikut kesesuaian dan keperluan perkhidmatan. Arahan Penempatan ini adalah tidak tertakluk kepada persetujuan pegawai. Sekiranya pegawai mengingkari arahan penempatan tersebut, pegawai akan dianggap sebagai telah ingkar perintah dan boleh diambil tindakan tatatertib mengikut peraturan tatatertib yang berkuat kuasa;
- (f) PHEI yang ditempatkan di agensi penerima hendaklah melaporkan diri mulai tarikh kuat kuasa ditetapkan dan melaksanakan tugas sebagaimana had kuasa dan skop tugas yang ditelah ditentukan dan dimaklumkan kepada pegawai dan JAKIM;
- (g) Tempoh minimum penempatan adalah enam (6) bulan dan tidak melebihi dua (2) tahun;
- (h) Tempoh penempatan silang boleh dipendekkan tertakluk kepada rundingan antara agensi asal dan agensi penerima. Pegawai yang terlibat hendaklah diberi notis secara bertulis sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tempoh penempatan silang tamat. PHEI tidak boleh menamatkan penempatan silang sebelum tamat tempoh penempatan yang telah ditetapkan;

- (i) Agensi penerima akan menanggung emolumen, elaun dan kemudahan yang layak diterima oleh pegawai mengikut gred jawatan yang disandang di agensi penerima tertakluk kepada pakej emolumen yang diberikan adalah tidak kurang baik (*not less favourable*) daripada pakej emolumen yang diterima pegawai sebagai PHEI di JAKIM atau Kader di Kementerian/ Jabatan/ Agensi.
- (j) Dalam tempoh penempatan silang, pegawai masih layak:
 - (i) menggunakan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer serta apa-apa kemudahan lain yang berkelayakan dari semasa ke semasa dengan mengemukakan permohonan kepada agensi asal;
 - (ii) mendiami kuarters mengikut syarat ditetapkan Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM;
 - (iii) menerima kemudahan rawatan perubatan di klinik dan hospital Kerajaan; dan
 - (iv) menerima kemudahan rawatan perubatan di klinik dan hospital panel di agensi penerima di mana yang berkaitan dan sekiranya ditanggung oleh agensi penerima sepanjang tempoh penempatan silang.
- (k) Semasa penempatan silang, pegawai boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat oleh JAKIM. Sekiranya pegawai dinaikkan pangkat, agensi asal dan agensi penerima boleh bersetuju untuk meneruskan penempatan silang pegawai berkenaan sehingga mencapai tempoh maksimum yang ditetapkan;
- (l) Penilaian prestasi tahunan pegawai dibuat oleh agensi penerima berdasarkan kaedah penilaian prestasi yang berkuat kuasa di agensi asal. Pegawai juga perlu membuat penilaian penilaian prestasi tahunan agensi penerima sekiranya ditetapkan sedemikian;
- (m) Dalam tempoh penempatan silang, pegawai boleh dikehendaki oleh agensi asal atau memohon kepada agensi asal melalui agensi penerima untuk menduduki apa-apa bentuk penilaian atau kursus yang disyaratkan di perkhidmatan hakiki. Dalam hubungan ini, agensi penerima hendaklah memberi pertimbangan sewajarnya bagi membenarkan pegawai menduduki penilaian atau kursus berkenaan. Bagi penempatan secara silang antara agensi awam dengan agensi awam, tanggungan perbelanjaan berkaitan dengan penilaian atau kursus termasuk tuntutan perjalanan akan ditanggung oleh agensi penerima. Bagi penempatan secara silang antara agensi awam

dengan agensi swasta, perbelanjaan tersebut akan ditanggung oleh agensi asal;

- (n) Pegawai tidak dibenarkan untuk memohon kursus yang tidak disyaratkan sebagai kursus pembangunan dalam skim perkhidmatannya bagi memastikan pegawai mendapat manfaat sepenuhnya di bawah program ini;
- (o) Pegawai adalah tertakluk kepada peraturan tata tertib serta etika kerja di agensi asal. Walau bagaimanapun, pegawai perlu menghormati dan mematuhi peraturan tata tertib dan etika kerja di agensi penerima di sepanjang tempoh penempatan silang. Pegawai dikehendaki menandatangani borang akuan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972, mematuhi peraturan yang dinyatakan dalam Arahan Keselamatan dan boleh diminta untuk mengisytiharkan harta kepada agensi penerima sekiranya diperlukan;
- (p) Hubungan pegawai dengan agensi dan perkhidmatan asal tidak terputus dalam tempoh penempatan silang dan tempoh penempatan silang diambil kira bagi tujuan faedah persaraan;
- (q) Agensi asal bertanggungjawab mengemas kini rekod perkhidmatan pegawai yang terlibat dengan penempatan silang. Walau bagaimanapun, agensi penerima diberi tanggungjawab sementara untuk menguruskan hal-hal perkhidmatan tertentu seperti melulus dan merekod cuti rehat, cuti sakit dan cuti tanpa rekod, kursus serta pemberian elaun dan kemudahan. Salinan rekod urusan tersebut perlu dikemukakan kepada agensi asal pada setiap tiga (3) bulan bagi tujuan direkodkan dalam rekod perkhidmatan pegawai. Apa-apa urusan yang memerlukan kelulusan Ketua Jabatan hendaklah dikemukakan kepada agensi asal melalui agensi penerima;
- (r) Setelah tempoh penempatan tamat, pegawai dikehendaki kembali ke agensi asal. Pegawai yang kembali ke agensi asal tidak berhak menuntut apa-apa faedah tambahan yang diterima semasa penempatan silang di agensi penerima;
- (s) Sebaik sahaja tamat tempoh penempatan silang, pegawai dikehendaki menyediakan laporan menggunakan format yang disediakan mengenai pelaksanaan dan pencapaian tugas di sepanjang tempoh penempatan silang di agensi penerima dan mengemukakan kepada Ketua Pengarah JAKIM melalui Urus Setia di Bahagian Dasar Kemajuan Islam, JAKIM dalam tempoh tidak lebih daripada 14 hari setelah tamat penempatan silang. Selain itu, pegawai juga dikehendaki berkongsi pengalaman mengenai amalan-

amalan terbaik semasa penempatan silang yang boleh diadaptasi di JAKIM melalui platform yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan; dan

- (t) Sekiranya pegawai awam yang bersara atau dibersarakan atau meninggal dunia dalam tempoh penempatan silang, faedah persaraan atau faedah terbitan yang layak dipertimbangkan adalah berdasarkan undang-undang pencen yang berkuat kuasa kepada pegawai. Pegawai yang memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja akan memperoleh faedah di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

PEMAKAIAN

- 8. Arahan Ketua Perkhidmatan ini terpakai kepada semua PHEI di JAKIM dan Kader di Kementerian/ Jabatan/ Agensi berkuat kuasa mulai 2 Disember 2024.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' DR. SIRAJUDDIN BIN SUHAIMEE)
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

02 Disember 2024